

14/11/1998

Masalah ekonomi Asia harus ditangani segera

KRISIS kewangan dan ekonomi yang dihadapi rantau Asia perlu ditangani secepat mungkin kerana kemelut itu sudah menular serta memberi kesan kepada bahagian lain di dunia.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata kegawatan ekonomi yang dihadapi sekarang akan memberi kesan kepada perdagangan antara anggota Apec dan perdagangan ekonomi Apec dengan negara lain.

Menurutnya, rekod perdagangan eksport antara Apec menunjukkan pertumbuhan kecil iaitu AS\$1.7555 bilion (RM6.669 bilion) pada 1997 berbanding AS\$1.741 bilion (RM6.615 bilion) pada 1996, ekoran kegawatan ekonomi.

"Sehubungan itu, komuniti perdagangan perlu mengambil keadaan itu sebagai suatu cabaran selain terus merebut peluang yang ada dalam Apec untuk meningkatkan kegiatan dan pencapaian," katanya berucap di perasmian Ekspo Perdagangan Antarabangsa Apec Ke-3.

Ekspo itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Rafidah berkata, kepemimpinan dalam ekonomi Apec dijangka akan mengemukakan arah tuju yang perlu bagi mencapai penyelesaian kepada krisis kegawatan yang dihadapi rantau ini.

Menurutnya, acara tahunan seperti ekspo perdagangan boleh menjadi keadah membina peluang perdagangan dan pelaburan dalam rantau Apec serta memperluaskan destinasi pasaran masyarakat perniagaan Apec.

Beliau berkata, ekspo perdagangan yang dianjurkan tahun ini mendapat sambutan baik negara peserta dengan 347 syarikat mengambil bahagian dengan memenuhi lebih 4,200 kaki persegi ruang pameran.

"Malah tiga negara anggota baru Apec turut menyertai ekso itu dengan Russia diwakili 53 syarikat, Peru (25 syarikat) dan Vietnam (lima syarikat)," katanya.

Ekspo itu adalah projek Kumpulan Kerja Promosi Perdagangan Apec dan dianjurkan oleh Perbadanan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) serta dikendalikan oleh FMM Exhibition Services Sdn Bhd.

Pelbagai produk dipamerkan dalam pameran itu termasuk kelengkapan rumah, pertanian dan teknologi maklumat (IT).

(END)